

Aktiviti Lisan Meningkatkan Kemahiran

Berbahasa

Lisan merupakan satu daripada kemahiran yang penting dan menjadi asas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Jika ditinjau dengan teliti, dalam lisan terdapat dua aspek kemahiran kecil iaitu Kemahiran Mendengar dan Kemahiran Bertutur. Dengan menguasai kemahiran lisan seseorang itu dapat menerima maklumat dan berkomunikasi dengan orang lain. Justeru, kemahiran lisan menjadi salah satu aspek yang diambil kira untuk menentukan seseorang itu sudah menguasai sesuatu bahasa.


Ujian Lisan dalam mata pelajaran bahasa Melayu khususnya dalam Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menjadi salah satu kertas yang wajib diduduki oleh setiap pelajar. Dalam SPM, Ujian Lisan merupakan Kertas 3 dan kelulusannya dicatat dalam sijil. Kewujudan ujian lisan ini sewajarnya menjadi motivasi kepada pelajar untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan betul.

Kepentingan ujian ini kurang diperkatakan kerana pelaksanaannya dilakukan oleh guru yang mengajarkan mata pelajaran tersebut. Mereka beranggapan wujud keluwesan dalam pemberian markah. Lebih-lebih lagi pelajar yang menggunakan bahasa itu sebagai bahasa pertama tentu tidak wajar jika gagal dalam ujian lisan. Justeru, ujian tidak begitu banyak diperkatakan berbanding dengan peperiksaan bertulis.

Ujian lisan ini dilaksanakan oleh pihak sekolah atau Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS). Ujian ini dilakukan di hadapan audiens atau rakan pelajar di bilik darjah atau di luar bilik darjah seperti perhimpunan sekolah. Secara tidak langsung ujian ini memberi keyakinan kepada pelajar untuk bertutur di hadapan audiens yang terdiri daripada rakan sekelas.

Sebelum 2002, ujian lisan Bahasa Melayu dilakukan oleh pemeriksa luar daripada kalangan guru dari sekolah lain. Ujian dijalankan di hadapan beberapa orang panel pemeriksa untuk memberi markah. Ada pihak yang berpendapat cara ini kurang wajar kerana pemeriksa hanya menilai pelajar dalam tempoh 15 hingga 20 minit sedangkan kemahiran lisan wajar dinilai secara berterusan. Gurulah yang sebenarnya dapat melihat dan menilai pelajar dari aspek perkembangan penguasaan kemahiran lisan.

Aktiviti lisan dalam pembelajaran bahasa seharusnya dilaksanakan dalam setiap pengajaran dan pembelajaran (P&P), bukan semata-mata hanya untuk peperiksaan. Pelajar seharusnya digalakkan bertutur dalam bahasa tersebut sama ada dalam aktiviti set induksi, semasa pembelajaran, dan penutup pembelajaran. Guru seharusnya sentiasa merangsang dan memberi peluang kepada pelajar bertutur dalam pembelajaran bagi memantapkan kemahiran tersebut. Guru seharusnya memberi bimbingan kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran lisan. Pelajar juga diberi peluang untuk meningkatkan markah ujian melalui latihan dan



aktiviti yang lebih kerap dan intensif.

Sesetengah pelajar hanya terlibat dengan aktiviti lisan seperti yang digariskan dalam ujian apabila menghadapi ULBS. Mereka hanya dilibatkan dalam ujian dua kali setahun atau kira-kira 20 hingga 30 minit setahun. Malah ada yang hanya diberikan aktiviti itu secara formal dalam ULBS di peringkat PT3 dan SPM sahaja. Mereka kurang dikedahkan dan diberi peluang dengan aktiviti lisan secara berterusan, kecuali mereka yang berbakat sering ditonjolkan dalam majlis tertentu serta aktiviti kokurikulum. Komunikasi kebanyakan pelajar hanya dalam masyarakat sekeliling dan rakan-rakan yang menggunakan dialek tempatan serta bahasa pasar.

Justeru, aktiviti dan ujian lisan harus dilakukan secara berterusan oleh guru. Bagi pelajar calon SPM aktiviti secara formal untuk peperiksaan sekurang-kurangnya dua kali di tingkatan empat dan sekali di tingkatan lima. Aktiviti ini berupa aktiviti individu dan kumpulan. Hal ini memberi peluang kepada pelajar untuk memperbaiki prestasi, menambah

kemahiran dan pengalaman. Mereka yang kurang cekap boleh melakukan ULBS ini beberapa kali. Kaedah ini lebih praktikal berbanding dengan bentuk ujian lama yang hanya memberi peluang sekali sahaja kepada calon SPM menjalani aktiviti ujian lisan.

Dengan aktiviti ULBS, guru menilai penguasaan pelajar dalam lisan semasa P&P. Tegasnya, aktiviti ini tidak seharusnya dijalankan untuk ULBS sahaja dengan mengabaikan proses P&P pelajar lain. Dengan kebijaksanaan guru dapat menyesuaikan kaedah pengajaran yang selaras dengan aktiviti ULBS serta isi pelajaran yang dibincangkan dalam P&P.

Di samping tujuan peperiksaan atau penilaian untuk memberi markah ULBS, guru dapat meneruskan rancangan pengajaran seperti biasa tanpa menjejaskan P&P. Guru menentukan pelajar atau kumpulan pelajar yang dinilai dan tajuk yang perlu disampaikan. Sementara pelajar lain diminta memberi perhatian kerana aktiviti tersebut ada kaitan dengan isi pelajaran.

Aktiviti lisan hendaklah menggunakan tema atau tajuk yang diselaraskan dengan rancangan pengajaran seperti yang dicadangkan dalam Huraian Sukatan Pelajaran. Aktiviti juga hendaklah ditentukan mengikut kata kerja yang dicadangkan seperti memberi arahan, memberi panduan, membuat pesanan, pidato, syarahan, laporan, perbincangan, wawancara, forum, sumbang saran, ulasan, memberi pendapat, ceramah, komentar, dan sebagainya.

Sebagai contoh, aktiviti individu pidato. Calon atau pelajar yang dinilai akan menyampaikan pidato di hadapan kelas sementara pelajar lain memberi perhatian kepada pidato tersebut. Guru akan menilai pelajar dari segi sebutan, intonasi, tatabahasa, kefasihan, kelancaran, serta bermakna. Kemudian, pelajar lain atau guru boleh mengemukakan soalan kepada calon tersebut untuk tambahan bagi merangsang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Guru juga boleh memilih calon

Bagi menerapkan kemahiran berfikir (KBAT), guru atau pelajar lain (audiens) boleh mengemukakan soalan terbuka untuk dijawab oleh ahli panel yang menjadi calon ULBS pada masa itu.

lain untuk tujuan ULBS dengan menjawab soalan pemahaman berdasarkan pidato tersebut. Calon-calon yang dinilai akan diberi markah pada masa itu juga, mereka diberitahu markah yang diperoleh dengan menandatangani borang pemarkahan. Selepas aktiviti ULBS ini, guru boleh meneruskan perbincangan berdasarkan tema atau tajuk pidato untuk aktiviti penulisan dan sebagainya.

Contoh kedua aktiviti individu ialah deklamasi puisi. Calon mendeklamasikan puisi atau membaca puisi dengan penghayatan di hadapan rakan-

rakan. Selepas deklamasi tersebut, calon diminta menerangkan puisi itu daripada aspek sastera seperti tema, persoalan dan mesej puisi. Guru dan pelajar lain juga dibenarkan untuk mengemukakan soalan bagi merangsang kemahiran berfikir (KBAT).

Dua contoh aktiviti tersebut mungkin boleh dijayakan oleh calon kumpulan sederhana dan cemerlang. Bagi kumpulan pencapaian rendah, mereka boleh diberikan aktiviti dialog, soal jawab, atau perbualan tentang tajuk perkembangan diri. Guru juga boleh memberi bahan rangsangan dalam bentuk gambar, grafik dan sebagainya. Guru atau pelajar sebagai penggalak mengemukakan soalan berdasarkan bahan tersebut, dan calon diminta menjawab dengan ayat yang lengkap.

Bagi aktiviti kumpulan, calon boleh membentuk kumpulan antara dua hingga empat orang dalam satu kumpulan. Mereka boleh mengadakan aktiviti, perbualan, lakonan, forum, perbincangan ala-parlimen, mesyuarat, perbincangan dan sebagainya. Biasanya pelajar akan diberi masa untuk membuat persediaan sebelum membuat persembahan. Bagi menerapkan kemahiran berfikir (KBAT), guru atau pelajar lain (audiens) boleh mengemukakan soalan terbuka untuk dijawab oleh ahli panel yang menjadi calon ULBS pada masa itu. Sebagai aktiviti lanjutan kepada pelajar lain, guru boleh meminta pelajar untuk menulis ulasan atau karangan berkaitan dengan aktiviti tersebut.

Guru seharusnya banyak mendedahkan aktiviti ujian lisan ini kepada pelajar bermula di sekolah rendah dan di sekolah menengah di tingkatan satu lagi. Sebaik-baiknya, sekolah menjadikan aktiviti ini sebagai program di sekolah. Mereka harus diberi pendedahan dengan menunjukkan tayangan video dan sebagainya. Mereka didedahkan dengan contoh lisan yang baik termasuk dari segi kesantunan ketika berlisian. Mereka juga seharusnya didedahkan dengan contoh lisan yang lemah melalui tayangan video seperti kesalahan menggunakan ayat yang tidak jelas, sebutan dan intonasi yang salah dan sebagainya untuk perbandingan. Langkah ini sebagai panduan kepada mereka untuk menjalankan aktiviti lisan dan komunikasi yang baik.

Setiap pelajar akan dimestikan untuk mengambil bahagian ULBS secara individu dan kumpulan di peringkat SPM. Kebiasaannya seorang pelajar akan dinilai sebanyak tiga kali, dan markah tertinggi akan diambil bagi tujuan pemarkahan. Bagi pelajar yang berprestasi rendah atau tidak puas hati dengan markah yang diperoleh, mereka boleh dirujuk kepada ahli jawatankuasa ULBS di peringkat sekolah. Mereka boleh diberi ujian semula untuk diberi markah yang muktamad. Walau bagaimanapun, secara asasnya, bagi pelajar yang telah berpuas hati dengan markah yang diperoleh, dia dibenarkan untuk mengambil satu aktiviti sahaja.

Selain melalui aktiviti P&P, pelajar juga boleh dinilai untuk ULBS ketika mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum yang melibatkan pengucapan atau lisan. Misalnya pengucapan pelajar sebagai pengacara majlis, ucapan alu-aluan, membuat ulasan, memberi laporan, lakonan dan sebagainya. Pihak sekolah seharusnya mengadakan aktiviti ini dengan lebih kerap dan memberi peluang banyak pelajar untuk mengambil bahagian.

Tegasnya, untuk memberi keyakinan kepada pelajar berbahasa lisan dengan lebih baik, mereka seharusnya didedahkan dan mengambil bahagian dalam aktiviti lisan dengan lebih banyak. Mereka tidak seharusnya diberi peluang berlisian dalam ujian sahaja. Sebaliknya, aktiviti itu seharusnya dilakukan secara berterusan, terutama dalam P&P agar pelajar lebih yakin menggunakan bahasa itu dengan lancar dalam komunikasi dalam masyarakat. **PB**

PANDUAN PENULISAN

Pelita Bahasa

1. Makalah hendaklah karya asli.
2. Makalah hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu.
3. Makalah hendaklah ditulis dalam bentuk penulisan untuk majalah bukan bentuk penulisan kertas kerja atau seumpamanya.
4. Makalah hendaklah ditulis dalam enam ke lapan halaman.
5. Makalah hendaklah ditaip langkau dua baris.
6. Jika menggunakan komputer, makalah hendaklah ditaip menggunakan huruf Arial bersaiz 12.
7. Sebaik-baiknya makalah hendaklah disertakan dengan gambar foto, ilustrasi, jadual, rajah dan sebagainya.
8. Bibliografi, nota kaki atau nota hujung tidak perlu disertakan.
9. Sebarang rujukan hendaklah dimasukkan ke dalam teks, seperti contoh yang berikut:
 - (a) Menurut Nik Safiah Karim dalam *Tatabahasa Dewan*,...
 - (b) Dalam kertas kerja, "Trilogi Armageddon: Pentagon (Jilid III): Zimis dalam *Politik Melayu*", Hanapi Dollah ...
 - (c) Siti Jasmina Ibrahim dalam makalahnya, "Ceritera Putera Braca Sweden," berpendapat ...
10. Petikan daripada bahasa Inggeris atau bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.
11. Istilah yang digunakan hendaklah berdasarkan istilah yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. Selip makalah yang dihantar tidak boleh dihantar kepada penerbit lain.
13. Jika ingin menarik makalah yang telah dihantar, penulis hendaklah memaklukkannya kepada editor.
14. Penulis hendaklah menyertakan nama sebenar (seperti dalam kad pengenalan), alamat surat-menyurat, nombor telefon, nombor akaun bank apabila mengirimi makalah.